

06/04/2001

Dana ASN untuk semua kaum

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Dana Amanah Saham Nasional (DASN) seperti dicadangkan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), adalah terbuka untuk semua kaum.

Perdana Menteri berkata, dana terbaru yang dirangka sebagai tambahan kepada dana yang diuruskan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB), akan dilancarkan di Kota Bahru, Kelantan pada 20 April ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan menemui kakitangan Kementerian Penerangan di Angkasapuri di sini, beliau berkata butir lanjut mekanisme pelaksanaan DASN itu akan diumumkan sempena pelancarannya nanti.

"Ia adalah amanah saham yang terbuka kepada semua kaum dan mekanismenya akan saya jelaskan bila saya lancarkannya pada 20 April," katanya.

Berdasarkan cadangan dalam RRJP3 yang dibentangkan oleh Dr Mahathir di Dewan Rakyat Selasa lalu, DASN diwujudkan bagi memastikan pengagihan ekuiti yang lebih meluas di kalangan Bumiputera dan kumpulan lain yang belum menikmati faedah pembangunan.

Dalam tempoh RRJP3 itu, usaha gigih akan terus dijalankan bagi meningkatkan penyertaan berkesan Bumiputera dalam ekonomi, di samping menentukan pemilikan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus dapat dicapai menjelang 2010.

Selain itu, pemilikan ekuiti korporat yang masih rendah di kalangan kaum India juga akan dipertingkatkan dan usaha akan dijalankan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti mereka kepada tiga peratus menjelang 2010.

Ditanya bagaimana usaha akan dibuat untuk meningkatkan pemilikan ekuiti kaum India kepada tiga peratus itu, Dr Mahathir berkata mekanismenya juga akan diumumkan pada 20 April ini.

Dalam sidang akhbar selepas membentangkan RRJP3 Selasa lalu, Perdana Menteri berkata DASN yang dicadangkan itu adalah lanjutan daripada PNB.

Dr Mahathir dijangka melancarkan Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 (MSAM 2001) anjuran PNB di Kota Bharu, Kelantan, 20 April ini.

(END)